

Penulisan Alasan Penghakiman dan Prosedur di Mahkamah Syariah Berpandukan Hadis: Analisis Pemakaian dan Pengecualian

(The Writing of Grounds of Judgment and Procedures in The Shariah Court Guided by Hadith: Analysis on The Use and Exceptions)

Sayidah Asma Basir^{1*}, Muhammad Remy Othman², Zulzaidi Mahmud³

¹Fakulti Undang-undang, UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: sayidahasma@uitm.edu.my

²Jabatan Al-Quran dan Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: remy_refreshing@yahoo.com

³Jabatan Kehakiman Syariah, Malaysia.

Email: zulzaidi86@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Sayidah Asma Basir
(sayidahasma@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:

Alasan Penghakiman
Prosedur
Sistem Kehakiman Islam
Aplikasi Hadis
Pengecualian Hadis

KEYWORDS:

Grounds of Judgement
Procedure
Islamic Legal System
Application of Hadith
Exception of Hadis

CITATION:

Sayidah Asma Basir, Muhammad Remy Othman, & Zulzaidi Mahmud. (2022). Penulisan Alasan Penghakiman dan Prosedur di Mahkamah Syariah Berpandukan Hadis: Analisis Pemakaian dan Pengecualian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001947.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1947>

ABSTRAK

Fakta kes, keterangan dari pihak-pihak, rujukan nas al-Quran dan Hadis serta pendapat fuqaha' merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh Hakim Syarie sebelum sesuatu alasan penghakiman dibuat. Pemakaian Hadis merupakan antara sumber terpenting di dalam penghakiman kes Syariah dan turut menjadi asas bagi prosedur di Mahkamah Syariah yang terangkum di dalam Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor dan negeri-negeri lain. Hal ini dikuatkan lagi dengan keputusan kes-kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah Malaysia. Kertas ini membincangkan pemakaian dan pengecualian Hadis di dalam alasan penghakiman dan prosedur dengan menggunakan kaedah *empirical study* menerusi peruntukan seksyen dan kes-kes yang diputuskan. Hasil kajian ini mendapati ada beberapa peruntukan seksyen dan kes-kes yang mengguna pakai dan mengecualikan prinsip Hadis ini. Bagi pengecualian, kertas kajian ini menghuraikan rasional bagi pengecualian pemakaian Hadis tersebut.

ABSTRACT

The facts of the case, statement of the parties, reference to al-Quran and Hadis as well as opinion of the majority of Islamic scholars are the main considerations by the Sharie Judge in giving the grounds of judgement. The usage of Hadis which is one the main sources of reference in the deciding Syariah cases, also forms the basis of the procedure of Syariah Court as provided in the Enactment of Mal Procedure of Syariah Court of Selangor and other states. This is supported with the Syariah cases decided by the Syariah Court in Malaysia. This paper aim to discuss on the application and exception of the Hadith in the grounds of judgement and procedures by using the method of empirical study through provisions in the sections and decided cases.

The study found that there are application and exceptions of the hadith principle in several sections and cases. For the exceptions, this study will discuss the rational of not applying the said hadith.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada analisis terhadap kaedah pemakaian dan pengecualian sesuatu hadis oleh Hakim Syarie di dalam membuat alasan penghakiman dan dalam aspek prosedur di Mahkamah Syariah. Kajian dibuat dengan mengemukakan prosedur dan kes-kes yang relevan bagi isu tersebut.

1. Pengenalan

Terdapat beberapa perkara yang perlu diperhatikan oleh Hakim Syarie (HS) sebelum membuat Asas Penghakiman (AP) antaranya adalah bidang kuasa, isu yang dibangkitkan, rujukan kes-kes, hukum syarak (al-Quran, Hadith, dan kitab-kitab), fatwa dan lain-lain (Mahmod & Buang, 2022). Pemakaian Hadis dalam mengeluarkan sesuatu AP adalah perkara yang sentiasa dipertimbangkan oleh HS. HS akan merujuk ini sumber Hadis untuk dijadikan pertimbangan dalam prosedur bagi alasan penghakiman dikeluarkan (Buang et al., 2021). Walaupun begitu, terdapat pengecualian Hadis di dalam beberapa prosedur dan AP yang dihasilkan. Oleh itu, kertas kerja ini ingin membincangkan kes-kes yang menunjukkan pemakaian dan pengecualian Hadis di dalam prosedur dan AP oleh HS.

Menurut Deraman dan Ahmad (2021) istilah Hadis segi segi bahasa yang popular adalah setiap sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW daripada perkataan, perbuatan, perlakuan, perakuan, sifat fizikal dan akhlak sama ada sebelum diutuskan menjadi Nabi mahupun selepasnya. Hadith yang menjadi perbincangan bagi prosedur dan alasan penghakiman bagi kes-kes di Mahkamah Syariah Malaysia adalah seperti berikut:

[3582] عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْيَمَنِ قَاضِيًا فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ تُرْسِلُنِي وَأَنَا حَدِيثُ السِّنِّ وَلَا عِلْمَ لِي بِالْقَضَاءِ فَقَالَ " إِنَّ اللَّهَ سَيَهْدِي قَلْبَكَ وَيُنَبِّئُكَ لِسَانُكَ فَإِذَا جَلَسَ بَيْنَ يَدَيْكَ الْخَصْمَانِ فَلَا تَقْضِيَنَّ حَتَّى تَسْمَعَ مِنَ الْآخِرِ . كَمَا سَمِعْتَ مِنَ الْأَوَّلِ فَإِنَّهُ أَحْرَى أَنْ يَتَّبِعَنَّ لَكَ الْقَضَاءَ " . قَالَ فَمَا زِلْتُ قَاضِيًا أَوْ مَا شَكَّكْتُ فِي قَضَائِهِ بَعْدُ .

Terjemahan: Rasulullah ﷺ mengutusku ke Yaman sebagai hakim, dan aku bertanya: Wahai Rasulullah, adakah kamu mengutusku ketika aku masih kecil dan tidak mengetahui tugas seorang hakim? Baginda menjawab: Allah akan memberi petunjuk kepada hatimu dan menjaga lidahmu. Apabila dua orang yang bersengketa duduk di hadapan kamu, janganlah kamu memutuskan sehingga kamu mendengar apa yang dikatakan oleh yang lain sebagaimana kamu mendengar apa yang dikatakan oleh yang pertama; kerana anda sepatutnya mempunyai idea yang jelas tentang keputusan terbaik. Dia berkata: Saya telah menjadi hakim (selama ini); atau dia berkata (perawi ragu-ragu): Saya tidak ragu-ragu tentang kesudahannya selepas itu.

Hadith ini menegaskan bahawa seseorang hakim tidak harus membuat keputusan tanpa mendengar keterangan kedua-dua pihak yang bertikai kerana tanpanya hakim tidak dapat mengetahui fakta sebenar kes yang dihadapi kepadanya. Dalam erti kata lain, hakim tidak boleh mendengar keterangan dari satu pihak sahaja dan membuat keputusan berdasarkan apa yang didengar dari satu pihak sahaja. Tegahan telah diberikan di dalam hadith ini bahawa, apabila hakim memutuskan kes atau memberi hak berdasarkan keterangan satu pihak sahaja, keputusan dan hak yang diberi kepadanya seolah-olah memberinya (iaitu pihak yang menang) seketul api neraka. Jelas di sini bahawa amat

penting untuk Hakim mendengar keterangan dari pihak-pihak yang bertikai untuk memberikan hak kesamarataan yang akan menghasilkan keputusan yang adil.

2. Sorotan Literatur

Pemakaian Hadis dalam prosiding kes, tidak dapat dilihat secara langsung dalam sesuatu tindakan dalam mahkamah kecuali ada isu-isu yang berbangkit yang memerlukan kepada keperluan perkara tersebut. Hal ini adalah kerana penghakiman dilakukan melalui undang-undang utama (*substantive law*) dan undang-undang prosedur (*procedural law*) (Mahmod et al., 2021).

Walaupun bagaimanapun sekiranya terdapat *lakuna* dalam hal prosiding kes, maka undang-undang memberi ruang sewajarnya kepada pihak-pihak dan Hakim Syarie untuk merujuk Hukum Syarak. Perkara ini berdasarkan undang-undang yang memperuntukkan perihal Hukum Syarak berdasarkan Seksyen 245 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 iaitu:

- (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Akta ini yang tidak selaras dengan Hukum Syarak hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.
- (2) Jika terdapat apa-apa *lakuna* atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Akta ini, Mahkamah hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa apabila terdapat ketidakselarasan antara peruntukan Akta dan Hukum Syarak, maka peruntukan Akta tersebut adalah terbatal dan apabila terdapat *lakuna* hendaklah menggunakan Hukum Syarak.

Ghazali (2005) menyatakan kegagalan mematuhi undang-undang dan Hukum Syarak akan menyebabkan penghakiman atau keputusan seseorang Hakim Syarie itu dipertikai dan dirayu.

Ini menunjukkan bahawa undang-undang yang diwartakan telah meraikan Hukum Syarak dengan menjadikannya sebagai panduan kepada prosiding tatacara di Mahkamah Syariah. Tambahan pula, sekiranya berlaku ketidakselarasan, Hukum Syarak akan *prevail*, dan juga kelompongan dalam undang-undang ini perlu diisi dengan Hukum Syarak.

3. Metod Kajian

Skop kajian ini adalah berkisar kepada pemakaian dan pengecualian hadith dalam konteks sistem kehakiman Islam yang diamalkan dalam alasan penghakiman dan prosedur bagi kes-kes di Mahkamah Syariah Malaysia.

Kajian ini mengaplikasikan metode mengumpul data melalui kes-kes dengan menggunakan kaedah kualitatif sebagai analisis bagi hasil kajian dan kesimpulan.

Perbincangan dimulai dengan merujuk kepada Hadis no 3582. Pemakaian hadis ini akan dibincangkan dalam konteks alasan penghakiman, perbicaraan, keterangan dan pelantikan peguam syarie. Seterusnya, penjelasan terhadap pengecualian dan keadaan di mana konsep Hadis tidak diaplikasikan dalam sesuatu prosedur dan rasional bagi pengecualian tersebut berdasarkan Arahan Amalan.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1. Aplikasi hadis dalam penulisan alasan penghakiman di Mahkamah Syariah

Penulisan Hadis dapat dilihat melalui teks alasan penghakiman (AP) yang dibuat oleh Hakim Syarie di akhir prosiding kes atau mana-mana peringkat yang memerlukan Hakim Syarie boleh berbuat demikian. Alasan Penghakiman (AP) oleh Hakim Syarie Mahkamah Syariah merupakan aspek penting dalam sesuatu proses penghakiman. Hakim Syarie mempunyai tanggungjawab dalam membuat teks AP sebagaimana ketetapan undang-undang. Hakim Syarie juga perlu membuat AP berdasarkan kehendak arahan amalan yang berkuat kuasa sebagaimana dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan yang berkuat kuasa di peringkat Mahkamah Syariah Negeri (MSN). Kulaijaya teks AP dapat dirujuk sekiranya ada rayuan atau semakan terhadap kes tersebut atau sekiranya terdapat isu yang dibangkitkan dalam perbincangan yang perlu diulas.

Pihak JKSM telah mengeluarkan Arahan Amalan berkenaan dengan penulisan alasan penghakiman iaitu *Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001* sebagaimana berikut:

.... Alasan Penghakiman sesuatu kes hendaklah disediakan tidak lewat dari sebulan dari tarikh penghakimannya. Ianya hendaklah menyentuh isu yang dibangkitkan, pemakaian undang-undang, Hukum Syarak....

Kepatuhan kepada arahan amalan ini merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh setiap Hakim Syarie untuk memastikan kewibawaan profesionalisme pelaksanaan tugas kehakiman. Mohd Nadzri (2020) menyatakan bahawa arahan amalan adalah merupakan pendekatan baharu yang telah mula diperkenalkan pada tahun 2000. Arahan amalan ini juga merupakan suatu mekanisme yang baru yang bertujuan memperkasakan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia sebagaimana dinyatakan oleh Mazni (2014).

Merujuk kepada penggunaan Hadis khususnya dari aspek prosiding kes sama ada kes Mal atau kes Jenayah Syariah maka tidak terdapat satu penilaian khusus kepada perkara tersebut melalui peruntukan undang-undang. Seperti dinyatakan sebelum ini, perkara ini adalah kerana Hakim Syarie berkewajipan untuk merujuk undang-undang yang berkuat kuasa terlebih dahulu dalam memastikan prosiding berjalan dengan lancar dan teratur. Undang-undang prosedur akan memandu prosiding kes pihak-pihak dan juga memandu Hakim Syarie dalam membuat penghakiman sesuatu kes.

Perihal merujuk "Hukum Syarak" sebagai proses membuat alasan penghakiman sebagaimana telah dinyatakan melalui pemakaian Arahan Amalan No. 6 Tahun 2001. "Hukum Syarak" merujuk kepada Seksyen 2, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) adalah Undang-undang Islam mengikut mana-mana Mazhab yang diiktiraf. Tafsiran ini hampir sama dengan tafsiran Hukum Syarak di negeri lain seperti di Selangor (Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003), Negeri Sembilan (Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003), Kelantan (Seksyen 3, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 2002), Melaka (Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002), Pulau Pinang (Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004), Johor (Seksyen 2, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003) dan Sabah (Seksyen 2, Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004) yang mentafsirkan

Hukum Syarak sebagai mengikut Mazhab Shafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali.

Aspek Hukum Syarak ini adalah luas penggunaannya kerana ianya tidak tertumpu kepada persoalan merujuk mazhab tertentu sahaja, tetapi keterbukaan dalam merujuk Hukum Syarak tersebut yang lebih meluas sebagaimana dilakukan oleh mazhab-mazhab tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa asas penting kepada sesuatu pembinaan hukum iaitu al-Quran dan Hadis juga merupakan aspek Syarak yang dijadikan asas oleh fuqaha` mazhab fiqh dalam memahmi dan mendasari sesuatu hukum yang ditetapkan.

Jika dilihat secara literal kepada undang-undang sememangnya tidak dinyatakan berkenaan rujukan kepada al-quran dan hadith. Walau bagaimanapun aspek rujukan al-quran dan hadith adalah aspek penting kepada pembinaan Hukum Syarak terutama dalam mengutarakan pendapat mazhab fiqh dalam pembinaan sesuatu hukum. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa hadith juga merupakan aspek penting kepada prosiding kehakiman Syariah termasuk kes mal dan kes jenayah Syariah. Hal ini boleh dilihat melalui aspek keterangan seperti beban pembuktian kes mal berdasarkan kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen 12 Tahun 2003) di bawah seksyen 72:

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-Mudda'ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Mudda'a 'alaih) (Seksyen 72, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen 12 Tahun 2003)

Perkara ini adalah selari dengan Hukum Syarak daripada aspek hadith yang mana dinyatakan yang bermaksud *Jika diterima kesemua tuntutan-tuntutan manusia menurut dakwaannya semata-mata nescaya ada di kalangan manusia yang akan menuntut darah orang lain dan harta orang lain, tetapi sesuatu tuntutan itu adalah berdasarkan kaedah Orang yang mendakwa hendaklah membuktikannya dengan keterangan saksi (bayyinah) dan sumpah ke atas orang yang menafikannya.*

Hal ini menunjukkan bahawa keselarasan undang-undang terhadap aspek Syarak daripada sudut Hadis tidak dapat dinafikan dan sekiranya terdapat *lakuna* maka ianya masih membuka ruang kepada Hukum Syarak yang luas.

Pemakaian Hadis dalam aspek prosiding kes dapat dilihat daripada penulisan teks AP yang dibuat oleh hakim untuk melihat dan menilai kepada aspek penggunaannya. Perkara ini boleh dirujuk kepada Arahan Amalan No. 2 Tahun 2014 berkenaan "*Garis Panduan Penulisan Teks Penghakiman*" yang telah membatalkan Arahan amalan No. 11 Tahun 2011. Dalam garis panduan arahan amalan ini dinyatakan tentang format penulisan hadith yang perlu ditulis dalam menulis teks AP. Ianya hanya menyatakan berkenaan dengan format sahaja dan bukannya signifikan kepada rujukan hadith bagi tujuan khusus kepada prosiding kes. Perkara di atas jelas menunjukkan ianya adalah bentuk format yang digunakan oleh Hakim Syarie dalam meletakkan panduan dalam menulis teks AP. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penggunaan Hadis adalah juga diterapkan dalam penulisan teks AP dan ianya juga boleh digunakan bagi prosiding kes yang berjalan bagi membantu mahkamah melaksanakan prosiding kes.

Penggunaan Hadis dalam rujukan prosiding kes dapat ditunjukkan melalui teks AP dan huraian Hakim Syarie tersebut untuk membantu pemahaman tujuan penggunaan hadith tersebut. Terdapat banyak kes yang dilaporkan dalam Jurnal Hukum yang telah merujuk kepada Hadis dalam penulisan teks AP sama ada rujukan bagi tujuan menghuraikan isu-isu berbangkit atau rujukan kepada sesuatu aspek hokum sebagaimana dalam kes *Omar Harun lwn. Abdullah Omar, (2016) 43(2) JH 252, Aishah Md Isa dan Empat Yang Lain lwn. Hariah Naseh, (2016) 43(2) JH 279, Seripah binti Mat Daud lwn. Patimah @ Hasnah binti Md. Nor, (2017) 44(2) JH 205, Badrolhisyam bin Khalid lwn. Masriah binti Hj. Ismail (2015) 41(1) JH 65, dan lain-lain.*

Perbincangan penggunaan hadith berdasarkan arahan amalan secara menyeluruh dalam semua aspek di Mahkamah Syariah wajar dikembangkan khusus terhadap prosiding kes, penghujahan pihak-pihak dan penulisan teks AP. Hal ini untuk memastikan orititi Hadis adalah sempurna, lengkap dan diyakini dalam prosiding penghakiman di Mahkamah Syariah.

4.2. Aplikasi Hadis dalam konteks perbicaraan di dalam Mahkamah Syariah

Prinsip utama di dalam perbicaraan sama ada semasa prosiding mendengar keterangan, membuat pengakuan atau penafian, kesaksian atau apa-apa perkara hendaklah dijalankan dengan kehadiran kedua-dua pihak atau wakil-wakil mereka.

Sistem kehakiman Islam memerlukan pihak-pihak untuk hadir semasa perbicaraan. Bagi memastikan pihak-pihak hadir semasa perbicaraan, kesemua pihak perlu dimaklumkan mengenai perbicaraan melalui penyampaian. Prosiding di Mahkamah Syariah dimulakan melalui saman atau notis permohonan yang mesti disampaikan kepada pihak yang satu lagi.

Hal ini dapat dilihat di dalam kes *Marlisa Nicholas bt Alamdin v Timah bt Abdul Rahman & Anor [2011] 1 SHLR 41*, YA Hakim Mohd Nazir telah menyebut bahawa asas kepada penyampaian sesuatu notis atau saman adalah bagi memaklumkan kepada pihak-pihak bahawa satu tindakan akan diambil. Penyampaian itu adalah bagi memberi peluang kepada responden-responden memfailkan bantahan atau pengetepian terhadap perintah yang dikeluarkan. Ia mengelakkan berlakunya ketidakadilan dan terjejasnya hak responden.

Seksyen 41 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor (ETMMSS) menyebut tentang cara penyampaian. Sesuatu saman atau dokumen lain hendaklah disampaikan 'kediri'. Jika saman atau notis permohonan tidak dapat disampaikan contohnya kerana alamat pihak tidak diketahui, *Seksyen 48 ETMMSS* memperuntukkan penyampaian ganti. Mahkamah boleh memerintahkan supaya saman tersebut diserahkan seperti menampalkan sesalinan di bangunan tempat terakhir orang yang hendak disampaikan tinggal atau pengiklanan di akhbar tempatan.

Di dalam kes *Tuminah lawan Ariffin (1983) 4 JH 84*, Mahkamah mengarahkan penyampaian saman secara ganti melalui penampalan notis di semua pejabat kadi negeri Johor dan hebahan di akhbar tempatan apabila Plaintiff tidak dapat menyerahkan saman secara kediri berikutan tidak mengetahui tempat tinggal suaminya.

Jika pihak-pihak bertikai tidak hadir ke perbicaraan walaupun telah menerima saman atau notis permohonan secara penyampaian kediri atau penyampaian ganti, undang-undang

telah memeruntukkan apa yang boleh dilakukan oleh Hakim apabila pihak gagal hadir semasa perbicaraan. *Seksyen 121 (1)(a) dan Seksyen 121 (4) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah* memeruntukkan jika tidak ada satu pihak pun hadir, Hakim boleh membuang tindakan itu atau menangguhkan kes. Jika hanya salah seorang hadir, contohnya Plaintiff hadir tetapi Defendan tidak hadir, Hakim boleh memutuskan kes Plaintiff tanpa kehadiran Defendan setelah mahkamah berpuas hati bahawa bukti penyampaian kepada Defendan telah disempurnakan dan ketidakhadirannya adalah tanpa sebab munasabah atau Hakim boleh menangguhkan kes itu.

Contoh kes ketidakhadiran pihak-pihak semasa perbicaraan ialah kes *Mohd Hassan Iwn Siti Sharidza [2004] JH XVIII/II, 269*. Kes ini berkenaan tuntutan nafkah anak. Perayu hadir sekali sahaja dan tidak hadir pada sidang berikutnya. Mahkamah Rendah Syariah mensabitkan tuntutan berjumlah RM1,100. Hakim Mahkamah Rayuan berpendapat tindakan Mahkamah sebelumnya mendengar kes tersebut tanpa kehadiran perayu adalah betul dan sah.

Seksyen 51 ETMMSS menyebut bahawa Mahkamah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan waran tangkap kepada penerima saman supaya hadir ke Mahkamah jika Mahkamah berpuas hati bahawa sebelum atau selepas saman dikeluarkan Mahkamah percaya dia ada potensi untuk melarikan diri dan atau penerima tidak hadir ke Mahkamah pada masa yang ditetapkan walaupun serahan saman telah sempurna.

Berdasarkan seksyen dan kes di atas, undang-undang telah menggariskan prosedur yang mesti dipatuhi dalam memastikan pihak-pihak yang bertikai tahu tentang perbicaraan dan dapat bersemuka semasa perbicaraan. Semua ini dibuat bagi memastikan pihak-pihak yang bertikai tahu mengenai tarikh perbicaraan supaya mereka dapat hadir membela diri atau menjawab tuntutan.

Walau bagaimanapun, jika satu pihak tidak hadir dengan tiada sebab munasabah, hak seorang lagi pihak tidak seharusnya diabaikan. Oleh itu, Hakim Syarie mempunyai kuasa untuk memutuskan kes tanpa kehadiran satu pihak atau menangguhkan kes tersebut. Mahkamah juga boleh memaksa pihak atau saksi untuk hadir ke perbicaraan Mahkamah dengan mengeluarkan Waran Tangkap.

4.3. Aplikasi Hadis dalam konteks keterangan di dalam Mahkamah Syariah

Kedua-dua pihak hendaklah dibenarkan melihat segala surat-surat keterangan atau dokumen yang dikemukakan oleh pihak satu lagi serta memiliki salinannya untuk memudahkan menerima atau menolak tuduhan atau hak. Menurut Fuqaha Maliki, "*Tertuduh yang dibuat kesaksian ke atasnya boleh meminta supaya diberi satu salinan surat-surat mengenai kesaksian tersebut supaya dia dapat menggunakannya dalam menyoal balas serta mengingatkan semula pihak yang mendakwa*" (Ibrāhīm ibn 'Alī Ibn Farḥūn, 1884).

Seksyen 85(1) ETMMSS memeruntukkan tentang Penzahiran Dokumen. Terdapat tiga jenis keterangan iaitu keterangan lisan, dokumentar dan nyata. Mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak yang mengemukakan dokumen tersebut menzahirkannya di hadapan mahkamah (mengemukakan apa-apa dokumen yang berada dalam miliknya atau kuasanya).

Seksyen 124 ETMMSS pula memperuntukkan tentang Nota Keterangan. Kegagalan Mahkamah merekodkan keterangan akan menjadikan sesuatu kes cacat. Contohnya di dalam kes *Mustafa Batcha lwn A. Habeeba Abd Rahman [2004] CLJ (Sya) 136*. Kes ini berkenaan pengesahan cerai talak tiga yang dilafazkan oleh perayu. Semasa keterangan telah ditimbulkan isu gangguan sihir. Tetapi Mahkamah Bicara tidak mencatatkan keterangan ini dan tidak memanggil saksi wajar seperti dukun untuk memberi keterangan. Kes diarahkan dibicara semula di Mahkamah Rendah Syariah yang lain.

4.4. Aplikasi Hadis dalam konteks sistem Kepeguaman Syarie

Hadis merupakan salah satu pensyariatian guaman syarie (Dahalan et al., 2019). Dalam konteks kepeguaman syarie, sebagai contohnya merujuk kepada hadith no. 3582 riwayat *Abū Dāwūd* membayangkan bahawa jika seseorang tidak pandai berhujah, maka dia boleh melantik wakil. Maka timbullah konsep *al-wakalah bi khusumah*. Hadith ini juga jelas menggambarkan kepentingan berhujah dengan kebenaran. Sebaliknya, jika petah berhujah tetapi penuh dengan kepalsuan maka tindakan tersebut hanya mendapat kemurkaan Allah.

Tambahan pula, seseorang yang tidak petah berhujah berkemungkinan kalah atau hilang haknya walaupun dia di pihak yang benar. Oleh itu, seseorang yang tidak petah, mungkin kerana takut atau gemuruh, maka dia boleh melantik peguam. Oleh itu, berdasarkan hadith ini, peguam Syarie perlu mempunyai pengetahuan dan kepethahan berhujah untuk mewakili anak guamnya (Bakar, 2003).

Menurut Dahalan et al. (2019) lagi, peguam Syarie bertindak di Mahkamah Syariah berasaskan prinsip *Wakalah Bi al-Khusumah*. Sebelum memulakan prosiding, peguam syarie tersebut perlulah memfailkan suatu *wakalah*. *Seksyen 34 ETMMSS* memperuntukkan pelantikan seorang peguam syarie hendaklah dilafazkan oleh orang yang melantiknya dan diterima oleh peguam syarie yang dilantik sedemikian di hadapan mahkamah atau pendaftar.

Pelantikan Peguam Syarie diperuntukkan di bawah *Seksyen 80 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003*.

Untuk menjadi Peguam Syarie undang-undang memerlukan seseorang mempunyai kelayakan akademik, ditemuduga atau perlu menjalani peperiksaan bergantung kepada tatacara kelayakan bagi setiap negeri. Ini bagi memastikan Peguam Syarie ialah seseorang yang layak untuk mewakili anak guam selari dengan peruntukan hadis.

4.5. Aplikasi Hadis dalam konteks perbicaraan yang diwakili Peguam Syarie

Hadith no. 3582 riwayat *Abū Dāwūd* ini juga menjadi asas kepada prinsip persemukaan antara pihak-pihak bertikai yang diaplikasikan ke dalam sistem Kepeguaman Syarie. Di dalam perbicaraan, jika pihak-pihak yang bertikai diwakili oleh peguam syari'e, Hakim Syarie perlu mendengar keterangan dan hujah dari peguam Plaintiff dan peguam Defenden.

Menggunakan prinsip penyampaian di atas, penyampaian apa-apa makluman mengenai saman, notis permohonan, notis rayuan dan lain-lain dokumen perbicaraan perlu disampaikan kepada alamat Peguam Syari'e. Penyampaian ini perlu dibuat supaya Peguam Syarie atau Pendakwa dapat menyediakan apa-apa tuntutan, pembelaan dan rayuan dalam satu tempoh yang mencukupi.

[Al-Sarkhasi \(1986\)](#) dalam kitabnya dalam Al Mabsut, juzu' XVI, hlm. 63 menyatakan, “Hakim hendaklah memberi tempoh kepada dua pihak yang bertikai untuk menegakkan hujahnya. Jika pendakwa menyatakan sebenarnya keterangan itu ada, cuma tidak dapat dikemukakan sekarang, maka hendaklah diberi tempoh untuk dia mengemukakannya kerana kemungkinan dia tidak dapat mengemukakannya dalam sesi pertama perbicaraan”.

Seksyen 43 ETMMSS - Penyampaian kepada Peguam Syarie. Sesuatu saman atau dokumen lain boleh disampaikan kepada Peguam Syarie mana-mana pihak yang telah memfailkan wakalah mengikut seksyen 34 kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Enakmen ini.

Di dalam kes [Khairol bin Bahari lwn Norazian Binti Saidin Mal No. 14500-001-002-2001](#), Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang telah memberikan hak lawatan kepada responden tanpa kehadiran perayu adalah tidak sah kerana Perayu dan Peguam Syariinya tidak mengetahui tarikh perbicaraan tersebut. Mahkamah turut mengarahkan agar kes tersebut dibicara semula.

Jelas, kes di atas mengaplikasi hadith Nabi bahawa Hakim Syarie tidak boleh membuat keputusan tanpa kehadiran pihak satu lagi. Di dalam kes ini, Peguam Syarie satu lagi tidak tahu tentang tarikh perbicaraan kerana tidak dimaklumkan. Selain seksyen 43, terdapat juga seksyen-seksyen lain yang memperuntukkan tentang penyampaian dokumen perbicaraan yang lain contohnya seperti *Seksyen 64 (1) dan (2) ETMMSS* dan *Seksyen 139 (4) ETMMSS*

Semasa perbicaraan, Peguam Syarie yang mewakili plaintif dan defenden perlu hadir dan bersedia bagi melancarkan perbicaraan. Menurut *Seksyen 126 ETMMSS*, undang-undang telah memperuntukkan prosedur perbicaraan dan susunan ucapan yang membolehkan kedua-dua Peguam Syarie menyatakan hujah, tuntutan dan pembelaan bagi sesuatu kes. Perbicaraan dimulakan dengan plaintif membuka kesnya, pemeriksaan utama plaintif, pemeriksaan balas plaintif dan pemeriksaan semula. Begitu juga dengan defenden. Hakim Syarie juga boleh mengarahkan seseorang untuk diam dan tidak mencelah melainkan dengan izin apabila pihak yang satu lagi sedang membentangkan hujahnya,

4.6. Pengecualian penggunaan Hadis dalam kes-kes yang diputuskan

Secara umumnya, sistem kehakiman dan kepeguaman syarie menggunakan prinsip persemukaan antara pihak-pihak bertikai di mana undang-undang memerlukan kedua-dua pihak perlu hadir, mengemukakan hujah dan membela diri semasa perbicaraan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan di mana prinsip persemukaan ini tidak digunakan iaitu bagi perbicaraan satu pihak atau *ex parte* seperti kes hadhanah. Lazimnya, tuntutan hadhanah hendaklah dibuat secara *inter partes* (dua pihak).

Sebagai contohnya, di dalam kes [Kristen Rachel Luterman @ Khadijah lwn Shahrabi bin Shaari \(2008\) JH 25/1, 139](#), pemohon telah membuat satu permohonan *interlokutori* secara *ex parte* untuk mendapatkan suatu perintah interim berkenaan hak penjagaan anak. Mahkamah menolak permohonan tersebut dan memutuskan bahawa permohonan itu tidak boleh dilakukan secara *ex parte*. Mahkamah mengarahkan agar permohonan tersebut didengar secara *inter-parte* dan satu salinan notis permohonan diserahkan kepada responden.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Mahkamah boleh membenarkan suatu perintah interim hadhanah dibuat secara satu pihak (*ex parte*) jika terdapat satu keadaan yang mendesak sebagaimana yang diperuntukkan di dalam *Seksyen 201 ETMMSS - Perintah Interim tentang Hadhanah dan Arahan Amalan No. 5 Tahun 2016*. Perintah *Ex Parte Interim Hadhanah* hanya boleh diberikan apabila Pemohon membuktikan kesnya pada tahap *zan al-ghalib* baahawa permohonan sebelah pihak itu dibuat atas sebab-sebab mendesak seperti mudharat terhadap kanak-kanak dari segi nyawa, tubuh badan dan kebajikan.

Sebagai contohnya, kes *Haslinda binti Alias v Johdi Mathew Byrne @ Yahya bin Abdullah (1999) 13 JH 47*, Mahkamah permohonan *ex parte* dan memberi perintah interim hadhanah kepada Plaintif atas risiko Defenden akan melarikan anak ke Filipina.

Begitu juga dengan kes *Faizuddin bin Tasaruddin vs Zairawati binti Mohd Fauzi [2016] 3 SHLR 30*, yang mana responden telah mengugut pemohon melalui SMS untuk membawa anak-anak mereka ke Thailand. Justeru, pemohon telah membuat laporan polis dan memfailkan permohonan injuknsi dan hak jagaan sementara. Mahkamah memutuskan membenarkan permohonan Pemohon tanpa kehadiran Responden.

Oleh itu berdasarkan kes-kes yang diputuskan di atas, rasional bagi pengecualian hadis di dalam membenarkan permohonan secara satu pihak sahaja adalah dibenarkan berikutan terdapat faktor mendesak seperti keselamatan yang memerlukan campur tangan segera dari Mahkamah Syariah.

5. Kesimpulan

Hadith no. 3582 dari *Sunan Abū Dāwūd* telah memberikan satu petunjuk dan garis panduan bagi prinsip dalam persemukaan demi menjamin kesamarataan antara pihak-pihak yang bertikai. Berdasarkan kes-kes dan peruntukan di dalam seksyen dibincangkan, hadith ini telah diaplikasikan ke dalam sistem kehakiman Islam menerusi AP, perbicaraan, penzahiran keterangan dan kepeguaman Syarie. Berdasarkan hadis ini, peruntukan undang-undang dan prosedur telah dibuat untuk memastikan kehadiran, prosiding perbicaraan dan penzahiran dokumen dapat dilaksanakan dengan sempurna dan saksama.

Secara umumnya Hakim Syarie hanya boleh memutuskan kes setelah mendengar hujah dan pembelaan dari semua pihak-pihak yang bertikai. Akan tetapi, terdapat pengecualian di mana keadaan membolehkan Hakim Syarie memutuskan kes dengan mendengar permohonan dari satu pihak sahaja yang memerlukan campur tangan segera dari Mahkamah.

Pemakaian dan pengecualian ini menunjukkan bahawa Hakim Syarie boleh mempertimbangkan kesemua faktor antaranya kebimbangan berlakunya kemudharatan dari pelbagai aspek seperti agama, nyawa, tubuh badan, harta, akal dan kebajikan dalam membenarkan pengecualian penggunaan hadis tersebut.

Hal ini penting untuk dipertimbangkan selari dengan perkembangan kes-kes yang memerlukan kemahiran bidang kehakiman dan kepeguaman Syarie dalam mendepani pelbagai kemungkinan mendatang dan yang paling utama memastikan hak kedua-dua belah pihak dapat diadili dengan sewajarnya.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberi komen dan cadangan penambahbaikan bagi kertas penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Kertas penyelidikan ini tidak melibatkan bantuan kewangan khusus daripada mana-mana geran penyelidikan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Menerusi penyelidikan ini, penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Aishah Md Isa dan Empat Yang Lain lwn. Hariah Naseh, (2016) 43(2) JH 279.
- al-Sarkhasi. (1986). *Al-Mabsut*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, j.16, 63.
- Badrolhisyam bin Khalid lwn. Masriah binti Hj. Ismail, (2015) 41(1) JH 65.
- Bakar, M. Z. A. (2003). Isu-Isu Peguam Syarie di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 109-132.
- Buang, A. H., Hussin, M. N. M., & Daud, M. Z. (2021). Penghakiman Mahkamah Syariah Malaysia: Analisis Kes-Kes Terpilih: Shariah Court Judgement in Malaysia: An Analysis of Selected Cases. *Jurnal Syariah*, 29(3), 509-534.
- Dahalan, H. M., Mohiddin, M. N. H., bin Abd Rahman, M. R., & Dahlan, N. K. (2019). Peguam Syarie di Malaysia: Analisis Perkembangan Pelaksanaannya di Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 25, 23-33.
- Deraman, F dan Ahmad, K. (2021). *Pendekatan 'Ulūm Al-Hadīth Dalam Menangani Salah Faham Terhadap Sunnah*, Selangor: Persatuan Ulama Malaysia, 8.
- Faizuddin bin Tasaruddin vs Zairawati binti Mohd Fauzi [2016] 3 SHLR 30.
- Ghazali Abdul Rahman. (2005). Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian. *Jurnal Hukum* Jilid XIX, Bhg. 2 (Mei 2005), h. 209.
- Haslinda binti Alias v Johdi Mathew Byrne @ Yahya bin Abdullah (1999) 13 JH 47.
- Ibrāhīm ibn 'Alī Ibn Farḥūn. (1884.). *Kitāb tabṣīrat al-ḥukkām fī uṣūl al-aqḍiyah, wa-manāhij al-aḥkām*, Al-Maṭba'ah al-'Āmiriyah al-Sharifiyah, j.1, 39.
- Khairol bin Bahari lwn Norazian Binti Saidin Mal No. 14500-001-002-2001.
- Kristen Rachel Luterman @ Khadijah lwn Shahrazi bin Shaari (2008) JH 25/1, 139.
- Mahmod, Z., & Buang, A. H. (2022). Profesionalisme Hakim Syarie Di Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Penulisan Teks Alasan Penghakiman: Professionalism of Syariah Judges in Shariah Courts Through The Application of Practice Directions the Text Writing of Grounds of Judgment. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 99-125.
- Mahmod, Z., Buang, A. H., & Baharuddin, A. (2021). Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Penghakiman Mahkamah Syariah: Kajian di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (Seksyen Sarawak) Terhadap Hak Wanita dan Kanak-Kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 41-50.
- Marlisa Nicholas bt Alamdin v Timah bt Abdul Rahman & Anor [2011] 1 SHLR 41.
- Mazni Abdul Wahab. (2014). *Pemeriksaan Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia*. (Tesis PhD, Universiti Malaya).
- Mohd Hassan lwn Siti Sharidza [2004] JH XVIII/II, 269.

- Mohd Nadzri Abdul Rahman Ibrahim, (2010), *Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah: Prinsip dan Amalan*, Edisi Pertama, Karya kreatif Publications
- Mustafa Batcha lwn A. Habeeba Abd Rahman [2004] CLJ (Sya) 136.
- Omar Harun lwn. Abdullah Omar, (2016) 43(2) JH 252.
- Seripah binti Mat Daud lwn. Patimah @ Hasnah binti Md. Nor, (2017) 44(2) JH 205.
- Sunan Abū Dāwūd* . Kitab Al-Aqdiyah , Bab kayf alqada', No. 3582., Dinilai hasan oleh Iman Al-Albani.
- Tuminah lawan Ariffin (1983) 4 JH 84.